

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1995

**PEMBATALAN PEKELILING MENGENAI
PENGURUSAN TATATERTIB**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk membatalkan Pekeliling Perkhidmatan mengenai pengurusan tatatertib.

LATAR BELAKANG


2. Dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, mulai 15 Disember 1993, Pekeliling berikut menjadi tidak kemaskini dan tidak bersesuaian lagi:
 - (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1984 bertajuk "Peraturan Dan Tindakan Ke atas Pegawai Dan Kakitangan Kerajaan Yang Terlibat Dengan Penagihan Dadah"; dan
 - (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1985 bertajuk "Pernyataan Awam Oleh Pegawai-Pegawai Awam".

PEMBATALAN

3. Dengan ini dimaklumkan bahawa Pekeliling Perkhidmatan yang disebutkan di perenggan 2 di atas dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tarikh: 7 Jun 1995

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan

